

86-3512

SIRI TOKOH BAKA

Bapa Pembangunan

TUN RAZAK



M
923.2595
ARH.A

Sapa pembangunannya
TUN RAZAK

AHMAD BUJANG
MOHD. SAHARI NORDIN

IBS
INTERNATIONAL BOOK SERVICE
petaling jaya, selangor, malaysia

angan
seorang
Razak
Dengar
g by
long

INTERNATIONAL BOOK SERVICE

33, Jalan 20/16

Petaling Jaya

Selangor

Hakcipta terpelihara. Mana-mana bahagian penerbitan ini tidak boleh dihasilkan balik, disimpan dalam sistem simpankekal, atau dipindahkan dalam sebarang bentuk atau sebarang cara sama ada elektronik, sawatan, salinfoto, rakaman dan sebagainya tanpa terlebih dahulu mendapat izin dari penerbit dan pihak Projek BAKA. Jabatan Pendidikan Bahasa, Fakulti Pendidikan Universiti Malaya.

© Projek BAKA Ahmad Bujang, Mohd. Sahari Nordin 1985

Cetakan Pertama 1985

ISBN 967 950 015 2 (Siri)

ISBN 967 950 0179

M
923.2595
ARH.A

Projek BAKA

Pengarah dan Ketua Editor : Prof. Madya Azman Wan Chik

Timb. Pengarah (Penyelidikan): Dr. Khadijah Rohani Mohd Yunus

Timb. Pengarah (Teknikal): Raja Maznah R. Hussain

465945
APB

26 JUL 1988
Perpustakaan Negara
Malaysia

TUN RAZAK: BAPA PEMBANGUNAN

Di kenang Semua

Sebut sahaja nama Tun Abdul Razak, hati rakyat Malaysia akan terasa terhutang budi padanya. Setengah-setengah rakyat Malaysia pula akan terbayang di kepala mereka pokok-pokok kelapa sawit dan pokok-pokok getah yang menghijau subur memenuhi bumi bertuah Malaysia.

Tun Abdul Razak pada hayatnya memimpin negara, bekerja bersungguh-sungguh untuk meninggikan taraf hidup rakyat terutama golongan bumiputra. Sebab itulah apabila sahaja berita kematiannya diumumkan melalui RTM, semua rakyat merasa begitu terharu dan sayu. Mereka seolah-olah terasa seperti kehilangan seorang anggota keluarga yang amat dikasihi.

Tidak syak lagi, Tun Abdul Razak ialah seorang pemimpin kesayangan rakyat. Tun Abdul Razak sememangnya Perdana Menteri yang berjasa. Dengan jasa-jasanya itu rakyat sentiasa merasa terhutang budi.

Bagi mengenangkan jasa-jasa beliau itu, namanya diabadikan dengan nama-nama jalan, bandar, anugerah, bangunan dan bermacam-macam cara. Sebagai contohnya ada jalanraya yang memakai namanya, Jalan Tun Razak, sebuah pekan di Maran, Pahang bernama Bandar Tun Razak, hadiah untuk tokoh-tokoh paling menonjol juga diberikan sempena namanya iaitu, ('Anugerah Tun Abdul Razak'.) Salah seorang tokoh yang pernah menerima 'Anugerah Tun Abdul Razak' ialah Profesor Diraja Ungku Aziz.



Siapakah Tun Razak?

Abdul Razak telah dilahirkan di dalam sebuah desa terpencil di daerah Pekan, negeri Pahang. Desa itu bernama Pulau Keladi. Tarikh lahirnya ialah pada 11 Mac 1922. Ibu Abdul Razak bernama Hajah Teh bte



Ayah Abdul Razak bernama Orang Kaya Indera Shahbandar Datuk Hussein bin Mohammad Tib. Dia bertugas sebagai seorang pegawai kerajaan negeri Pahang. Gelaran "Orang Kaya Indera Shahbandar" yang telah dikurniakan oleh Sultan Pahang menjadikan dia seorang yang penting di dalam pentadbiran negeri tersebut. Salah satu daripada peranan Orang Kaya Indera Shahbandar ialah menguruskan upacara-upacara menyampaikan pingat di hari-hari kebesaran Sultan Pahang. Abdul Razak, ketika kecilnya pernah diberi peluang menyaksikan upacara-upacara tersebut yang diadakan di dalam istana.

Nyatalah ayah Abdul Razak adalah seorang bangsawan dan berada. Dia juga rapat dengan sultan dan istana. Oleh itu, sejak kecil lagi Abdul Razak telah terdedah kepada cara hidup yang berdisiplin.

Tidak lama selepas Abdul Razak dilahirkan, Datuk Hussein telah dinaikkan pangkat menjadi Penolong

Pegawai Daerah. Dia telah ditukarkan ke Temerloh. Oleh kerana itu, Abdul Razak terpaksa dihantar ke rumah datuknya di Jambu Langgar. Lantaran itu Abdul Razak diasuh dan dididik oleh datuknya. Pendidikan dan cara asuhan yang diberi kepada Abdul Razak adalah sama seperti kanak-kanak lain di kampung itu.




Kampung Jambu Langgar terletak di tebing sungai Pahang, sungai yang terpanjang di Semenanjung Malaysia. Penduduk di kampung itu mendapatkan rezeki menerusi kegiatan menanam padi, menangkap ikan, memternak dan bertenun kain. Setiap orang di dalam kampung itu rajin bekerja. Abdul Razak, walaupun masih kecil lagi, telah disuruh oleh datuknya untuk menjaga kerbau-kerbau mereka. Dengan hati yang girang, dia menunggang kerbau menghala ke sawah padi untuk makan rumput. Apabila hari menjelang senja, dia menghalau kerbau-kerbau itu pulang.

Sementara itu, Abdul Razak dihantar ke surau di kampungnya. Di surau itu dia belajar mengaji Quran,

rुकun-rukun sembahyang dan menulis jawi. Pelajaran asas mengenai Islam yang diperolehinya sejak dari kecil lagi ini telah membentuk keperibadian yang tinggi di dalam diri Abdul Razak.

Bersekolah

Ketika umurnya enam tahun, Abdul Razak mula bersekolah. Dia telah dihantar belajar ke sekolah Melayu di Kampung Jambu Langgar. Sekolah itu terletak kira-kira empat kilometer dari rumah datuknya. Pada masa itu, hanya murid-murid lelaki sahaja yang diterima bersekolah di situ. Keadaan sekolah tersebut adalah menyedihkan. Sekolah itu berdinginkan papan beratapkan nipah dan berlantaikan tanah. Memandangkan keadaan sekolah yang begitu rupa, tiada siapa pun yang boleh menyangka bahawa ia mampu menghasilkan bakal Perdana Menteri Malaysia.)



Abdul Razak pandai menyesuaikan diri. Dia hanya berkaki ayam ke sekolah kerana pada masa itu tidak berkasut ke sekolah adalah menjadi perkara biasa. Walaupun ayahnya mampu menyediakan kasut



sekolah, Abdul Razak lebih suka berkaki ayam memijak tanah yang berlumpur seperti kawan-kawannya.

Abdul Razak bersekolah enam hari seminggu. Hari Jumaat adalah hari kelepasan. Bagi setiap hari persekolahan, dia belajar membaca, menulis dan mengira. Di sebelah petangnya pula, di tempat yang sama, dia belajar pelajaran-pelajaran berkaitan dengan agama Islam.

Abdul Razak adalah seorang murid yang cerdas dan pintar. Dia juga telah menunjukkan sikap tekun dan rajin berusaha. Sifatnya sebagai seorang pemimpin telah dapat dilihat oleh kawan-kawan dan guru-guru sejak berada di sekolah lagi. Memandangkan kebolehan yang ada padanya, dia dilantik menjadi Ketua Murid.

Kemudiannya, dia telah dihantar menuntut di Maktab Melayu Kuala Kangsar. Pada ketika itu Maktab Melayu Kuala Kangsar hanyalah untuk anak-anak

orang berada sahaja. Abdul Razak dapat belajar di Maktab Melayu Kuala Kangsar kerana dia adalah anak seorang "Datuk". Lagi pun, (dia telah dipilih oleh Residen Inggeris di Pahang untuk belajar di sana bagi menggantikan tempat ayahnya kelak) sebagai pegawai kerajaan. Ketika itu, pentadbiran negeri Pahang diuruskan oleh orang Inggeris.

(Semasa menuntut di Maktab Melayu Kuala Kangsar, Abdul Razak di anggap sebagai penuntut yang cemerlang.) Di dalam bidang pelajaran dia pernah melompat naik darjah kerana kejayaannya di dalam peperiksaan, dari Tingkatan Satu ke Tingkatan Tiga. (Di dalam bidang sukan pula, dia telah dipilih menjadi ketua rumah sukan dan penolong ketua pasukan bola sepak Maktab.) Abdul Razak juga telah dilantik menjadi Presiden Persatuan Bahasa Inggeris maktab tersebut.

× Memandangkan kebolehannya inilah maka maktab tersebut telah melantiknya menjadi Ketua Murid.



(K)

Tanpa disedarinya, beliau telah membiasakan diri dan mengasah bakatnya untuk menjadi seorang pemimpin.

Pengetua Maktab Melayu Kuala Kangsar, Mr. Bazell telah mencatatkan pernyataan berikut di dalam sijil berhenti sekolah Abdul Razak: "...budak yang berwatak tegas. Dia seorang pemimpin yang baik dan boleh diharapkan...."

✓ Setelah tamat bersekolah, Abdul Razak mendapat biasiswa untuk melanjutkan pelajaran. Dia terus belajar di Raffles College, Singapura. Antara bidang pengajian yang dipelajari ialah ekonomi, undang-undang dan sejarah.

Oleh kerana bilangan penuntut-penuntut Melayu sangatlah kecil, pelajar-pelajar Melayu di Raffles College terpaksa bersatupadu. Persatuan Muslim telah ditubuhkan untuk merapatkan hubungan antara sesama mereka. Abdul Razak menyertai persatuan itu dan terus dilantik menjadi setiausahanya. Sementara itu, dia sempat berkenalan dengan beberapa orang anak muda Melayu yang memperjuangkan semangat kebangsaan seperti Ghazali Shafie dan Sardon Hj. Jubir. Pengalamannya ini telah menimbulkan minat Abdul Razak terhadap politik.

(Abdul Razak Sebagai Gerila)

Sedang Abdul Razak mengikut pelajaran di Raffles College, meletuslah peperangan di antara Jepun dengan Inggeris. Dalam bulan Disember 1942, tentera Jepun telah melancarkan serangan ke Tanah Melayu. Oleh kerana Raffles College telah digunakan oleh tentera British, kolej itu pun ditutup. Pelajar-pelajaranya telah diarahkan pulang ke kampung masing-masing.

Sebagai seorang pemuda yang cergas, Abdul Razak merasa bosan berdiam diri di Jambu Langgar. Lantas



dia telah berusaha menerbitkan akhbar mingguan yang bernama "Gerakan Masa". Penerbitan akhbar itu tidak lama kerana dihalang oleh tentera Jepun. Sikap Jepun itu telah menimbulkan rasa bencinya kepada penjajah. Namun begitu, Abdul Razak akhirnya diterima oleh Jepun untuk bekerja di dalam bahagian pentadbiran. Beliau diambil bekerja kerana pelajarannya yang tinggi.

Sementara itu, penduduk-penduduk Tanah Melayu mendapati Jepun zalim. Tentera Jepun adalah terlalu

ganas. Mereka menganiaya dan membunuh rakyat jelata, terutamanya orang-orang Cina mengikut sesuka hati mereka sahaja. Polis-polis berbangsa India digunakan oleh Jepun untuk menindas orang-orang Melayu. Oleh yang demikian, ramai pemuda di Tanah Melayu yang masuk ke hutan menyertai gerila menentang tentera Jepun.

7
Kerana bencinya kepada perbuatan Jepun, Abdul Razak telah menyertai perjuangan pemuda-pemuda Melayu tersebut. Dia membantu gerakan gerila dengan cara menyampaikan maklumat mengenai pergerakan tentera Jepun. Maklumat tersebut digunakan oleh rakan-rakannya untuk mengadakan serangan hendap ke atas tentera Jepun. Akhirnya Abdul Razak menyertai terus pasukan gerila di dalam hutan. Dia terus diberikan pangkat "Kapten" serta mengetuai satu kumpulan gerila di Bentong, Pahang.



Tidak lama selepas itu, tentera Jepun telah menyerah kalah. Jepun terpaksa berbuat demikian kerana tentera Amerika telah menghancurkan bandar-bandar Hiroshima dan Nagasaki, dengan menggunakan bom atom. Dengan itu, pihak British pulang semula ke Tanah Melayu.

Untuk menghargai jasa dan usahanya menentang Jepun, Abdul Razak telah dihantar ke England bagi meneruskan pelajarannya oleh pihak British. Di Universiti Cambridge, Abdul Razak sekali lagi telah membuktikan kepintarannya. Dia telah berjaya lulus undang-undang dalam masa lapan belas bulan sahaja. Biasanya, seorang pelajar itu mengambil masa tiga tahun untuk lulus dalam pelajaran tersebut.

Sementara itu, Abdul Razak berpeluang berkawan dengan seorang putera raja dari Kedah yang bernama Tunku Abdul Rahman Putra. Putera raja inilah yang menjadi Perdana Menteri yang pertama Malaysia dan sahabat karibnya seumur hidup.





Menteri Besar

Selepas memiliki Ijazah Undang-Undang, Abdul Razak telah berura-ura untuk melanjutkan lagi pelajarannya. Cita-citanya terpaksa dibatakannya kerana ayahnya Datuk Hussein meninggal dunia. Abdul Razak perlu pulang ke tanah air untuk menggantikan tempat ayahnya sebagai Orang Kaya Indera Shahbandar. Ini adalah kehendak Sultan Pahang sendiri. Abdul Razak mematuhi kehendak sultannya. Dengan itu juga dia bergelar "Datuk Razak".


Sekembalinya ke Tanah Melayu, Datuk Razak telah diberikan beberapa jawatan penting di dalam kerajaan negeri Pahang sesuai dengan kebolehannya yang luar biasa. Datuk Razak telah dipilih menjadi Menteri Besar Pahang. Dari sini bermulalah sejarah hidup Datuk Razak sebagai seorang pemimpin negara.

Seperti yang kita ketahui, Datuk Razak telah pun berminat di dalam politik. Ketika umurnya dua puluh lapan tahun, dia telah menjadi ahli U.M.N.O. UMNO adalah satu badan politik untuk orang Melayu. Parti politik UMNO yang diketuai oleh Datuk Onn bin Jaafar, ditubuhkan dengan tujuan menentang rancangan pihak British daripada menguasai Tanah Melayu.

Peningkatan Datuk Razak di dalam arena politik adalah terlalu pantas. Dengan tidak disangka-sangka, dia telah dilantik menjadi Ketua Pemuda UMNO Tanah Melayu. Perlantikan tersebut diadakan di dalam Mesyuarat Agung Pertubuhan tersebut. Ini membuktikan bahawa Datuk Razak dipercayai dan dipandang tinggi oleh masyarakat Melayu. Jawatan Ketua Pemuda ini menjadikan Datuk Razak seorang yang sangat penting di dalam UMNO.

△ Dalam tahun 1951, Datuk Onn telah meletakkan jawatan sebagai Ketua UMNO Tanah Melayu. Oleh itu








ahli-ahli UMNO berpaling kepada Datuk Razak untuk menjadikannya pemimpin mereka. Datuk Razak merasakan dirinya masih belum layak untuk menjadi Ketua UMNO. Umurnya masih terlalu muda. Lagi pun pengalamannya masih belum mencukupi. Dengan itu Datuk Razak terpaksa menolak permintaan dari ahli-ahli UMNO. Namun dia bersetuju untuk mendapatkan gantinya.

Datuk Razak kemudiannya telah mengetuai satu rombongan ahli-ahli UMNO pergi berjumpa dengan kawan baiknya semasa belajar di England, Tunku Abdul Rahman Putra. Dia menawarkan Ketua UMNO kepada Tunku. Datuk Razak tidak berputus asa! Dia merayu agar Tunku menolong bangsa Melayu dengan cara menerima jawatan tersebut. Atas kebijaksanaan-nya, Datuk Razak berjaya menarik Tunku menjadi Ketua UMNO pada tahun 1951.





Merdeka ✓

Pertubuhan UMNO ini bergerak cergas untuk memerdekakan Persekutuan Tanah Melayu. Badan ini mahu Persekutuan Tanah Melayu diperintah oleh rakyatnya sendiri dan bukan oleh pihak British.

Sebelum Tanah Melayu mencapai kemerdekaan, beberapa rundingan diadakan. Rundingan itu adalah di antara kerajaan Tanah Melayu dengan kerajaan British. Segala perundingan penting diadakan di negara British. Rombongan dari Persekutuan Tanah Melayu sudah tentulah diketuai oleh Tunku Abdul Rahman kerana dia ialah Ketua UMNO ketika itu. Pun begitu, Datuk Razak pasti ada bersama-sama dalam rombongan menuntut kemerdekaan di England.

Beberapa kali rombongan dari Tanah Melayu pergi ke England untuk berunding, Datuk Abdul Razak pasti ada bersama. Ini ialah kerana Tunku selaku Ketua

UMNO tahu benar yang Datuk Razak pandai berbicara untuk menyakinkan pihak British agar memberikan kemerdekaan kepada Persekutuan Tanah Melayu.

Akhirnya selepas setahun berunding, Kerajaan British sanggup memberikan kemerdekaan itu. Kegembiraan rombongan dari Persekutuan Tanah Melayu, termasuklah Datuk Abdul Razak, bukan kepalang.

Pada tanggal 31hb. Ogos, 1957, Persekutuan Tanah Melayu diistiharkan merdeka. Kemerdekaan Persekutuan Tanah Melayu adalah kemerdekaan yang tidak menumpahkan darah seperti setengah-setengah negara. Ada negara yang telah berperang untuk mendapatkan kemerdekaan. Tetapi kita merdeka melalui kepintaran kita berunding dengan pihak British.

Apabila negara kita merdeka, Tunku Abdul Rahman menjadi Perdana Menteri yang pertama. Datuk Abdul



(E)

Razak pula menjadi Timbalan Perdana Menteri dan juga Menteri Pertahanan.

Semasa menjadi Menteri Pertahanan ini, dia telah menambahkan lagi askar-askar di Persekutuan Tanah Melayu. Askar-askar juga dibekalkan dengan senjata-senjata yang lengkap dan moden mengikut masa itu. Dia juga sering melawat kem-kem askar untuk memberi semangat berjuang menentang musuh negara.

Kebiasaannya Tunku Abdul Rahman menerima segala syor yang dibuat oleh Timbalannya. Pihak Tunku pula amat senang hati kerana dengan adanya Datuk Razak sebagai Timbalannya, segala kerja beres dan segala perjalanan parti dan tanah air bergerak lancar.



Pada tahun 1959, Datuk Razak dianugerahkan oleh Duli Yang Maha Mulia Yang Di Pertuan Agong bintang Seri Maharaja Mangku Negara (SMMN). Bintang SMMN ini membawa gelaran 'Tun'. Sejak menerima anugerah itu namanya kekal dengan Tun Abdul Razak hingga ke akhir hayatnya.

Pada tahun 1970, Tunku Abdul Rahman meletak jawatan. Di samping beliau uzur, beliau juga ingin memberi kesempatan kepada Tun Abdul Razak untuk menjadi Perdana Menteri. Katanya:

(B)

“Biarlah Tun Abdul Razak pula menjadi Perdana Menteri, saya pun dah lama memegang jawatan itu!”.

Dengan itu juga maka Tun Abdul Razak pun dipilih menjadi Perdana Menteri Malaysia yang kedua.

Tun Abdul Razak Sebagai Bapa Pembangunan

Malaysia ketika itu penuh dengan hutan rimba. Jika hutan-hutan ini ditebang dan digantikan dengan tanaman-tanaman berfaedah, pasti akan menguntungkan negara dan rakyat jelata. Perkara ini diketahui oleh Tun Abdul Razak.



Tun Abd Razak
~~Tun Abdul Razak~~

Dia mengadakan satu rancangan untuk menebang hutan-hutan ini. Apabila sudah bersih kelak, bolehlah ditanam dengan pokok-pokok kelapa sawit dan getah. Rancangannya ini juga boleh menyebabkan satu perkembangan baru wujud.

Rancangan ini bermula dengan memilih pemohon-pemohon yang layak. Mereka ini terdiri daripada golongan yang berpendapatan rendah seperti buruh, petani dan nelayan. Mereka yang berjaya diberikan tanah sebanyak sepuluh ekar untuk diusahakan. Ada



di antara mereka dikehendaki menanam pokok kelapa sawit dan ada juga dikehendaki menanam getah.

Rancangan ini lebih dikenali dengan ringkasnya sebagai rancangan 'Felda'. Sekarang ini berkat dan usaha Tun Razak peserta Felda telah beroleh pendapatan sebanyak lebih kurang \$1,000.00 pada tiap-tiap bulan.


Bukan sahaja Rancangan Felda telah berjaya, ada lagi beberapa rancangan-rancangan yang lain juga berjaya. Satu-satunya ialah untuk mengurangkan pengangguran. Kilang-kilang didirikan bukan sahaja di bandar-bandar besar tetapi di bandar-bandar kecil juga.

Beribu-ribu penuntut dari Malaysia juga dihantar ke seberang laut untuk menuntut dalam berbagai-bagai bidang. Penuntut-penuntut ini telah menolong memajukan negara dengan ilmu pengetahuan yang dipelajari di luar negeri.

Jalan-jalan raya di seluruh Malaysia ditambah untuk memudahkan perjalanan dan pengangkutan. Kuasa

elektrik dan air telah sampai ke kampung dan desa supaya mereka semua merasa nikmat kemudahan asas. Pembangunan desa adalah menjadi matlamat utama pemerintahan Tun Razak.

Sememangnya Tun Abdul Razak seorang pemimpin yang mengambil berat terhadap penduduk desa. Sewajarnya orang kampung dan desa sentiasa berterima kasih padanya kerana dia adalah "Bapa Pembangunan" mereka.



Perginya Seorang Negarawan

Menerusi berita-berita yang tersiar di radio dan akhbar, rakyat Malaysia mengetahui bahawa kesihatan Perdana Menteri telah terjejas. Mereka juga sedar yang Tun Abdul Razak telah pergi ke London untuk mendapatkan rawatan perubatan. Bagi mereka, itu adalah perkara biasa sahaja. Tetapi, rakyat Malaysia tidak menduga Tun Abdul Razak berada di dalam keadaan yang tenat. Dia telah lama mengidap penyakit barah yang sukar diubati. Walaupun pakar-pakar perubatan di London berusaha bertungkus lumus merawatnya, mereka gagal menentang takdir Ilahi.




Pada tanggal 14 Januari 1976, Tun Abdul Razak menghembuskan nafasnya yang terakhir. Bapa Pembangunan telah meninggalkan kita semua.

Sebaik-baik sahaja berita kematiannya diumumkan, rakyat di Malaysia seolah-olah terpukau. Negara ini

diselubungi kesedihan. Orang ramai terperanjat dengan berita itu. Ramai yang terus mengalirkan air mata dengan menangis teresak-esak.


Malah ada di antara mereka yang meragui berita tersebut. Beribu-ribu orang rakyat tertumpu ke lapangan terbang Antara Bangsa Subang untuk menyambut kepulangan jenazah Allahyarham Tun Abdul Razak. Suasana di lapangan terbang itu sungguh menyayat hati. Wajah mereka jelas menggambarkan perasaan sedih kerana kehilangan pemimpin yang sangat disayangi.



Tempat kediaman Tun Abdul Razak, semasa menjadi Perdana Menteri telah dijadikan sebagai bangunan "Memorial Tun Abdul Razak" di Kuala Lumpur. Di dalam bangunan inilah dipamerkan peninggalan Tun Abdul Razak semasa hidupnya.

Sajak Untuk Tun Razak


Tekad mu, benar jujur!
Rimba raya bertaburan intan.
Hasrat mu, nyata suci!
Membahagi harta semua bangsa.
Niat mu, sumpah mulia!
Kecil besar semua bahagia.
Kami tidak lupa!
segala tekad,
segala hasrat,
segala niat,
Pasti jaya segala berusaha.
Hanya balasan dari masyarakat!



SOALAN:

1. Tun Abdul Razak merupakan Perdana Menteri Malaysia ke berapa?
2. Di manakah Tun dilahirkan?
3. Apakah gelaran yang diberikan kepada ayah Tun Razak oleh Sultan Pahang?
4. Di manakah Tun belajar mengaji Quran?
5. Siapakah yang memilih Tun Razak belajar di Maktab Melayu Kuala Kangsar?
6. Bagaimanakah cara Tun Razak menentang tentera Jepun?
7. Apakah kelulusan Tun Abdul Razak?
8. Semasa mencapai kemerdekaan, apakah jawatan Datuk Abdul Razak?
9. Bilakah pula dia menjadi Perdana Menteri Malaysia?
10. Beri sebab mengapa Tun digelar "Bapa Pembangunan?"

26 JUL 1988



Siri Tokoh BAKA
Bapa Kemerdekaan: TUNKU
Bapa Pembangunan : TUN RAZAK
Pejuang Rakyat; MAHATHIR
Cendekiawan Negara : UNGKU AZIZ
Pendita Negara: ZAABA
Sasterawan Negara: USMAN AWANG
Seniman Negara: P. RAMLEE

IBS

INTERNATIONAL BOOK SERVICE

ISBN 967 950 015 2 (Siri)

ISBN 967 950 0179

PROJEK BAKA

Buku yang diterbitkan dalam siri Pengkayaan BAKA telah melalui proses penulisan dan penyelidikan yang rapi bagi memastikan kesesuaiannya untuk bacaan kanak-kanak berumur 6-9 tahun. Buku-buku ini selepas ditulis, diperbincangkan dalam Bengkel BAKA, dicuba-uji di sekolah, dinilai indeks kebolehbacaannya dan diedit semula sebelum diterbitkan. Hanya buku-buku yang didapati sesuai dari aspek:

- (a) indeks kebolehbacaan
 - (b) menimbulkan minat kanak-kanak membaca
 - (c) pengkayaan bahasa
 - dan (d) pengkayaan pengalaman
- saja yang dipilih untuk diterbitkan.

Buku-buku ini dibahagi kepada tiga kumpulan mengikut peringkat membaca:

- = Kumpulan A = untuk kanak-kanak yang mula membaca.
- Kumpulan B = untuk kanak-kanak yang peringkat membaca mereka tahun dua.
- Kumpulan C = untuk kanak-kanak yang peringkat membaca mereka tahun tiga dan ke atas.

Peningkatan dari peringkat membaca tahun satu ke tiga adalah bergantung kepada kebolehan kanak-kanak membaca dan tidaklah kepada jangkamasa atau tahun mereka membaca.

Adalah diharapkan siri buku BAKA ini akan dapat menanam minat membaca seumur hidup di kalangan anak-anak kita.